

01 NOV 1999

Mahathir-Indonesia

PEMILIHAN GUS DUR DAN MEGAWATI BERI HARAPAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemilihan Abdurrahman Wahid sebagai presiden Indonesia dan Megawati Sukarno sebagai naib presiden memberikan harapan baik kepada masa depan negara Islam terbesar di dunia itu.

Perdana Menteri berkata pemilihan untuk jawatan presiden Indonesia berjalan tanpa sebarang kejadian serius dan Majlis Permesyuaratan Rakyat telah bijak membuat pilihan presiden dan naib presiden, dengan mengutamakan kerjasama daripada bertelagah sesama sendiri.

Setiap pihak yang berpengaruh berada dalam kerajaan, kata Dr Mahathir dalam artikelnya yang diterbitkan dalam akhbar Jepun "Mainichi Shimbun" hari ini.

Katanya pemilihan Abdurrahman yang lebih dikenali sebagai Gus Dur telah memuaskan hati penduduk Islam manakala parti Megawati yang mempunyai paling banyak kerusi tetapi tidak cukup majoriti, nampaknya berpuas hati dengan jawatan naib presiden.

Malahan Golkar turut memilih untuk menyertai gabungan itu dengan bersetuju menerima beberapa jawatan menteri.

"Seolah-olah wujud satu kesepakatan di kalangan parti-parti utama dan ini memberi harapan baik kepada masa depan Indonesia," kata Perdana Menteri.

Katanya walaupun Gus Dur dilihat tidak begitu sihat, beliau mempunyai satu pasukan pembantu yang mantap.

Dr Mahathir berkata sudah tentunya Indonesia sebagai sebuah negara yang 90 peratus daripada 220 juta penduduknya beragama Islam, mahukan seorang Muslim sebagai pemimpin mereka apabila diberi pilihan.

Jika Megawati menang dengan majoriti mutlak, maka tidak akan ada pilihan lain, katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun parti Megawati memenangi paling banyak kerusi, beliau memerlukan sokongan parti lain untuk menikmati sokongan majoriti yang hanya dapat diperolehi daripada parti-parti Muslim.

"(Sokongan) ini tidak dapat diperolehinya daripada pihak Muslim yang secara amnya tidak suka dipimpin oleh seorang wanita," katanya.

Dr Mahathir berkata keputusan Golkar untuk tidak menawarkan calonnya telah membolehkan Gus Dur mendapat sokongan, dan dengan sokongan parti Muslim lain dan wakil-wakil wilayah, Gus Dur berjaya menewaskan Megawati.

Katanya Megawati boleh memilih untuk menjadi pembangkang tetapi membuat keputusan bijak untuk bertanding jawatan naib presiden, dan dengan itu mengelak perbalahan daripada berlaku.

Dr Mahathir berkata Asean mahu Indonesia stabil bukan saja untuk kebaikan negara itu tetapi juga untuk kepentingan serantau.

"Pemilihan yang secara amnya berjalan lancar dan pemilihan yang bijak bagi jawatan presiden dan naib presiden serta keputusan Golkar menyertai kerajaan, akan menghasilkan kestabilan politik di Indonesia," katanya.

-- BERNAMA

HS MAI